

# Hanya mesin slot mekanikal *one-armed bandit* dibenar — PM

UM 25 JUL 2003

Oleh ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 24 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan hanya membenarkan kelab-kelab di negara ini menggunakan mesin slot *one-armed bandit* yang berfungsi secara mekanikal untuk kegunaan ahli-ahlinya.

Perdana Menteri berkata, mesin slot elektronik tidak lagi akan dibenarkan kerana ia boleh digunakan untuk bermain permainan lain yang tidak dinyatakan dalam lesen untuk *one-armed bandit*.

“Di kelab-kelab, kita benar-

kan penggunaan *one-armed bandit* tetapi sekarang *one-armed bandit* ini sudah jadi canggih, menggunakan elektronik dan boleh bermain lain-lain permainan.

“Sekarang ini kita larang mesin elektronik yang boleh buat lain-lain, kita benarkan cuma setakat *one-armed bandit* sahaja, begitu juga di kelab-kelab lain,” tegas Perdana Menteri.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis sambutan Hari Kanak-Kanak Bakti 2003 di Seri Perdana, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas la-

poran *Utusan Malaysia* semalam mengenai tindakan Bukit Tinggi Resort Bhd. menutup terus kegiatan judi mesin slot di Bukit Tinggi, Pahang, selepas ia menjadi kontroversi.

Menurut pusat peranginan tersebut, bilik mesin slot atau Slot Room di Colmar Tropicale Resort di Bukit Tinggi, tidak pernah dibuka semula selepas ditutup sejak 20 Mei lalu.

Bukit Tinggi Resort ketika itu mengambil langkah menutup sementara bilik tersebut selepas kontroversi kegiatan perjudian di pusat peranginan berkenaan mendapat reaksi Dr. Mahathir.

Perdana Menteri turut meng-

ulangi kenyataannya bahawa kerajaan tidak pernah memberikan kelulusan kepada Bukit Tinggi untuk menjalankan kasino dan tuduhan bahawa terdapat kasino di situ juga adalah tidak benar.

“Mereka tidak pernah ada kasino di situ, fasal apa panggilnya kasino?” ujar Perdana Menteri.

Ditanya mengenai laporan akhbar yang mengaitkan Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dengan seseorang yang diburu polis, Dr. Mahathir berkata

■ Lihat muka 4

nilai kewibawaan seseorang hakim di dalam mahkamah semata-mata tetapi kriteria tersebut tidak boleh dijadikan satu-satunya kayu pengukur.

“Kriteria ini bukan perkara baru kerana ia diguna pakai oleh badan kehakiman sejak tahun 1983 lagi dan ia adalah sejajar dengan kehendak Perkara 13, Prinsip Asas Kebebasan Kehakiman, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB),” katanya.

Ahmad Fairuz berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Angkat Sumpah Pelantikan Hakim Mah-

ar kes Anwar seperti Datuk tar Sidin dan Tan Sri Lan nus.

“Lagipun kesemua mereka lah sama seperti hakim-hakim kerana mereka turut bermahkamah di Hakim Mahkamah Rayu seterusnya di Mahkamah Puan,” katanya.

Sebelum ini, ada segelintir termasuk Majlis Peguam r soalkan keputusan beliau tidak melantik beberapa hakim lebih kanan untuk wat jawatan yang lebih tin tidak kurang juga yang r